

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keputusan terkini selepas mengkaji semula kelulusan Pembukaan Institusi Baharu (PIB) bagi SMJK Heng Ee 2, Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2020 telah meluluskan permohonan pembukaan institusi baharu (PIB) bagi premis SMK Heng Ee, Bayan Baru, Pulau Pinang dengan pentadbiran tersendiri. Walau bagaimanapun, keputusan tersebut hanya dibuat di bawah agenda hal-hal lain di mana tiada memorandum yang memperincikan perkara ini dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Setelah mengkaji perkara ini berpandukan perundangan dan dasar sedia ada serta mengambil kira implikasi terhadap KPM susulan kelulusan tersebut, KPM mendapati bahawa ianya memerlukan penelitian yang lebih mendalam dan menyeluruh sebelum sebarang cadangan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri.